

28 SEP 1996

DASAR PANDANG KE TIMUR, TINGKATKAN HUBUNGAN JEPUN-MALAYSIA

Oleh: M.Jegathesan

TOKYO, 28 Sept (Bernama) -- Dasar pandang ke Timur Malaysia terus menjadi tunggak perhubungan kukuh antara Malaysia dan Jepun, kata pegawai hal ehwal asing Jepun hari ini.

"Dasar itu mencerminkan ikatan antara Jepun dan Malaysia berikutan ramai pelajar Malaysia datang ke Jepun untuk latihan," kata timbalan pengarah kedua Kementerian Hal Ehwal Asia Tenggara Naoto Hisajima semalam.

Beliau bercakap kepada pemberita Malaysia yang berada di sini di bawah program persahabatan Pusat Akhbar Asia Pasifik.

Dasar pandang ke Timur telah diperkenalkan awal tahun 1980-an oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan tujuan menyemai sikap positif kerja di antara rakyat Malaysia dengan bekerjasama dengan Jepun dan Korea Selatan.

Berkaitan dengan ekonomi, Hisajima menyatAkan pelaburan dijangka akan berkembang memandangkan Malaysia mengambil sikap liberal.

Jepun terus menjadi rakan dagangan Malaysia yang terbesar yang membabitkan 19 peratus jumlah dagangan Malaysia.--BERNAMA

JSM RIF